

BAB KELIMA

ANALISA PERBANDINGAN DAN PENUTUP

5.0 PENGENALAN

Masyarakat Adat Perpatih, selain merupakan pengamal budaya adatnya yang tersendiri, mereka juga tidak terlepas dari melaksanakan kewajipan dan tuntutan yang disyariatkan oleh agama Islam. Hubungan antara Adat Perpatih dan Islam ini dikatakan lengkap melengkapi sebagaimana terombra;

*Adat bersendi hukum,
Hukum bersendi Kitabullah,
Kuat adat tak gaduh hukum,
Kuat hukum tak gaduh adat,
Ibu hukum muafakat,
Ibu adat muafakat.*

Tetapi apabila membahaskan antara Adat Perpatih, Islam dan pengamalannya di kalangan masyarakat adat ini, orang ramai tidak terlepas dari berfikir untuk membandingkan antara keduanya sama ada dari segi persamaan atau perbezaan. Oleh itu dalam bab ini, penulis ingin mencari titik persamaan dan perbezaan tersebut dengan melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan pelantikan Undang Rembau ini jika dilihat dalam realiti pelantikan pemimpin Islam.

5.1 PERBANDINGAN PELANTIKAN PEMIMPIN

Fokus utama dalam perbincangan ini adalah perbandingan mengenai pelantikan Undang Rembau dan pemimpin Islam dari segi konsep dan cara pelaksanaannya yang berbentuk perundangan. Bukan kepada adat istiadat perlakuan yang bersifat spiritual yang bertujuan untuk memeriahkan, menzahirkan budi pekerti, memperingati dan memberi hormat kepada golongan atau orang tertentu. Bagi tujuan itu, penulis membahagikan perbincangan ini kepada tiga subtopik iaitu konsep pelantikan, syarat-syarat pemimpin dan cara pelantikan.

5.1.1 Konsep Pelantikan

Meneliti kepada sejarah pelantikan Undang Rembau maka didapati pelantikan ini bertitik tolak dari kehendak masyarakat Adat Perpatih di Rembau yang memerlukan pemimpin.¹ Masyarakat melantik pemimpin bagi memenuhi keperluan-keperluan mereka. Sudah pasti pelantikan ini akan direka bagi memenuhi kehendak masyarakat dalam apa jua bentuk. Pelaksanaan dan syarat-syarat pelantikannya juga akan memenuhi semangat pelantikan itu iaitu dengan berpandukan kepada kehendak rakyat tadi. Oleh itu kekuasaan melantik itu adalah di tangan rakyat dan rakyat pula berkuasa memberi mandat kepada pemimpinnya dalam mentadbir mereka.

¹ Kedatangan Datuk Lela Maharaja dan Datuk Laut Dalam ke Rembau atas kehendak masyarakat Rembau. (Lihat halaman 30-33).

Jelas di sini mandat rakyat adalah menjadi keutamaan. Segala perkara yang tidak memenuhi nilai-nilai yang telah dipersetujui oleh rakyat pasti akan ditolak. Melalui mandat yang diberikan oleh rakyat ini juga menjadikan pelantikan Undang ini amat bergantung kepada kuasa rakyat. Kuasa rakyat ini jelas ketika pemilihan Undang yang bermula dari kelompok yang paling bawah iaitu Anak Buah (secara tidak rasmi) atau Buapak (secara rasmi) sehingga ke pelantikan di peringkat kelompok yang lebih atas. Rakyat benar-benar menjadi punca kepada pelantikan ini.

Manakala dalam mencapai cita-cita masyarakat ini maka proses pelantikan Undang ini digembelingkan berdasarkan konsep muafakat dan budi. Konsep muafakat dan budi ini berjalan seiring di atas tujuan utama untuk mencari kebenaran sebagaimana terombra:

*Penghulu beraja ke muafakat,
Muafakat beraja kepada yang benar,
Benar berdiri dengan sendirinya,
Yang dinamakan alur dan patut.*

Bagi memahami maksud muafakat mencari yang benar ini, Dr. Nordin Selat berpendapat bahawa kebenaran itu kekuatan dan bukan kekuatan itu yang benar.² Maka dalam mencari kebenaran, fikiran masyarakat dicerna melalui peringkat demi peringkat. Semua ahli pelantik di setiap peringkat bebas memberikan pandangan masing-masing untuk mencari kebenaran tadi.

² Nordin Selat (Dr.) (1983), *Anatomi Kepimpinan Melayu*, Selangor: Insular Publishing Sdn. Bhd.. hlm. 3.

Apabila sudah sampai di peringkat yang terakhir iaitu di peringkat permesyuaratan Ahli Lembaga Tiang Balai, jika arah pemikiran ahli kebulatan itu adalah sama dalam melantik Undang Rembau yang baru, maka pelantikan itu diteruskan. Tetapi jika terdapat perselisihan atau berlainan pendapat antara ahli mesyuarat, maka Dato' Perba sebagai pengurus kepada badan pelantikan berkuasa untuk memutuskan dan mengistiharkan Undang yang difikirkannya layak. Ini menunjukkan bahawa sistem adat menyediakan alternatif dalam menyelesaikan masalah pelantikan pemimpinnya dan apa yang lebih penting ialah pelantikan Undang Rembau ini dipilih dengan pemberian pendapat secara kolektif³ antara ahli Lembaga Tiang Balai dan bukannya dipilih secara majoriti sebagaimana yang banyak dipraktikkan oleh sistem Barat.

Unsur-unsur budi dalam mencari kebenaran juga jelas apabila keputusan yang diambil oleh anggota pelantik juga disesuaikan dengan masa, tempat dan keadaan. Ini yang dikatakan dalam melaksanakan tugas, anggota pelantik dijawai oleh semangat hukum adat yang menganjurkan nilai-nilai ‘alur’ dan ‘patut’⁴ sebagai asas pelaksanaan pemuaafakatan. Maka di sini dapat dilihat bahawa dalam pelantikan Undang Rembau ini mempunyai unsur-unsur fleksibiliti. Iaitu dalam praktiknya anggota pelantik mempunyai hak mentafsir hukum mengikut daya fikir yang

³ Setiap pendapat akan dinilai. Pendapat yang paling baik dan dapat meyakinkan sebahagian yang lain dengan dalil-dalil serta hujah-hujah yang tepat dan bernas akan dipilih. (Abdullah Ahmad Qadiri (Dr.) (2002), *Syura: Prinsip Utama Sistem Pemerintahan Islam*, Hapiz Mahaiyadin (Terj.), Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, hlm. 11).

⁴ Konsep alur dan patut ini ialah satu proses pemikiran yang kompleks yang diasaskan pada hukum alam, logik dan etik. Iaitu sesuatu keputusan mesti dicapai dengan mengira masa, tempat dan keadaan. Contohnya seorang yang mencuri kerana lapar mesti dipotong tanggannya. Potong tangan adalah hukuman yang ditetapkan kepada pencuri. Tetapi memotong tangan pencuri yang mencuri sekadar ingin mengalas perut dari kelaparan oleh sebab kemiskinan adalah tidak patut menurut Adat Perpatih. (Norazit Selat (1983), *op. cit*, him. 3)

dikuasai oleh masa, keadaan dan tempat di samping menjaga teras kepada hukum adat tadi iaitu menunaikan mandat masyarakat adat (mengikut kehendak-kehendak masyarakat).

Jika dibandingkan konsep pelantikan Undang Rembau dengan pemimpin Islam maka didapati Islam juga memberi kuasa kepada rakyat dalam melantik pemimpin. Kewafatan Rasulullah s.a.w dengan tidak menentukan penggantinya menjadi bukti yang urusan pelantikan pemimpin diserahkan kepada ummah. Kuasa pelantikan ini juga diuruskan dengan perbagai cara dengan mengambil prinsip syura sebagai pegangan utama dalam setiap pelantikan.

Prinsip syura juga bertujuan untuk menegak kebenaran dan keadilan dalam melantik pemimpin. Oleh itu di zaman khalifah, tidak ada satu pelantikan pun yang dimulakan dengan tidak berbincang dengan *Ahl al-Halli wa Aqd* (Majlis Syura). Pemberian pendapat secara kolektif juga berlaku dalam pemilihan khalifah. Contohnya pelantikan khalifah Abu Bakar al-Siddiq adalah berpunca atas bai'ah Umar al-Khattab ketika berlakunya perbalahan antara golongan Ansar dan Muhajirin dalam menentukan khalifah.⁵

Unsur budi dalam mencari kata sepakat dalam pelantikan pemimpin Islam juga dapat dilihat dari pengamalan para sahabat di zaman khulafa' al-Rasyidin melalui nilai-nilai tolak ansur, timbang rasa dan rasa bersama menghadapi setiap permasalahan. Antara contohnya ialah golongan Ansar ketika pelantikan Abu Bakar

⁵Abdullah Ahmad Qadiri (2002), *op. cit*, hlm. 11 dan 48.

al-Siddiq adalah pada mulanya merasakan calon di kalangan bangsa mereka layak menjadi pengganti Rasulullah s.a.w. Perasaan ini diketepikan setelah dijalankan perbincangan dan didapati kaum Quraisy adalah lebih utama. Sikap tolak ansur ini wujud adalah kerana mereka telah diserapi dengan nilai-nilai budi yang telah disebutkan tadi.

Konklusinya, secara teori, pengamalan konsep pelantikan Undang adalah bertepatan dengan konsep pelantikan pemimpin Islam. Ini berlandaskan kepada penggunaan konsep permuafakatan yang mengambil kira pandangan rakyat sebagai asas pemilihan. Asas permuafakatan inilah yang menjadikan kepimpinan yang dilantik tahan diuji. Ini adalah kerana pelantikan ini adalah pilihan dan sokongan dari rakyat.

5.1.2 Syarat-syarat Pemimpin

Syarat-syarat merupakan agen penapis dalam setiap pelantikan pemimpin. Ia berfungsi bagi memastikan pemimpin yang dilantik boleh diharapkan untuk melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab yang diamanahkan oleh masyarakat. Selain itu syarat-syarat ini mempunyai hubung kait yang rapat dengan perjawatan. Setiap penentuan syarat adalah dilihat dari taraf jawatannya. Bagi pelantikan jawatan Undang Rembau penentuan syarat-syaratnya adalah berdasarkan jawatan sebagai ketua adat di Luak Rembau sahaja. Berbanding dengan syarat-syarat khalifah, ia

adalah lebih besar dan memegang amanah yang lebih banyak memandangkan bidang tugas mereka yang lebih besar dan pengaruh yang lebih luas.

Setelah dibuat penelitian dan perbandingan tentang syarat-syarat bagi melantik Undang di Luak Rembau dengan pemimpin Islam ini, maka dapat dibahagikan kepada tiga bahagian:

- i. Syarat-syarat pelantikan yang sama secara keseluruhannya.

Persamaan ini dapat dilihat melalui dari syarat-syarat Islam, berakal, lelaki, baligh, berilmu pengetahuan dan sihat anggota tubuh badan. Syarat-syarat ini secara keseluruhannya menepati dengan syarat-syarat yang ditentukan ke atas pemimpin Islam.

- ii. Syarat-syarat yang sama tetapi aplikasinya berbeza.

Teori syarat keturunan dalam pelantikan Undang adalah sama dengan syarat nasab dalam Islam tetapi dari segi aplikasinya adalah berbeza. Sebagai mana yang diketahui bahawa syarat utama pelantikan Undang Rembau ialah calon mestilah daripada kalangan Suku Biduanda Waris Dua Carak sahaja. Suku-suku lain tidak berpeluang untuk memegang jawatan ini.

Tanpa pengkajian, sudah pasti masyarakat beranggapan syarat ini tidak adil kerana membiarkan satu golongan mendominasi jawatan Undang di samping

memperlihatkan unsur-unsur *assabiyah*. Namun secara praktiknya syarat ini adalah relevan kerana Rasulullah s.a.w sendiri telah menetapkan syarat keturunan ini dalam nas-nasnya dengan memuliakan bangsa Quraisy dari bangsa-bangsa lain dalam soal-soal kepimpinan dan pemilihan ketua. Ini adalah sebagai dalil kepada pengharusan syarat keturunan itu selagi mereka menegakkan ajaran-Nya dan mengikut sunnah Rasulullah s.a.w.⁶

Atas dasar ini, *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah* berpegang kepada hadis *Mutawwatin*⁷ telah menerima pakai syarat keturunan dalam pelantikan pemimpin. Begitu juga ijma' para sahabat dan ulama' (antaranya al-Mawardi, al-Nawawi, al-Iji, Ibn Khaldun dan Taftazani)⁸ tentang pelantikan khulafa' al-Rasyidin yang bermula dari khalifah Abu Bakar al-Siddiq dan selepasnya di kalangan bangsa Quraisy menunjukkan pengiktirafan mereka kepada syarat keturunan ini.⁹

Selain daripada itu, syarat keturunan ini telah diterima pakai oleh Ibn Khaldun dalam menentukan syarat pelantikan pemimpin. Ibn Khaldun telah mentakwilkan syarat keturunan dalam pelantikan khalifah adalah bermotifkan perpaduan. Melihat kepada roh ditentukan syarat keturunan itu dan melihat

⁶ Al-Bukhārī, Muhammad Ibn Ismail Abī 'Abd Allah (1980), Bab Umara' min Quraisy, Kitab Āhkām, No. Hadith 3-4: 93. (Lihat halaman 127-132)

⁷ *Ibid.*

⁸ Al-Māwardī, Abī al-Hasan 'Alī Ibn Muḥammad (1973). *Āhkām Ṣufāniyyah wa al-Wilāyah al-Dinnīyyah*, Misr: Syārikat Maktabah wa Matba'ah al-Bābī al-Ḥalabī, hlm. 6. Muslim Ibn al-Hajjāj al-Qusairī (1983). *Sahīh Muslim bī Syarḥ Nawawī*, Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 72/200. Al-Iji, 'Adud al-Dīn 'Abd al-Rahmān ibn Ahmad (1970). *Al-Mawāqif fī 'Ilmi al-Kalām*, Beirut: Alām al-Kutub, hlm. 389. Ibn Khaldūn (1928). *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Misr: Matba'ah al-Ma'ārif, hlm. 212. Al-Taftazānī, Ma'sud Ibn 'Umar (1326 H). *Syarḥ al-'Aqā'id al-Nafsiyyah*, Qahirah, hlm. 484.

⁹ Muhammad 'Abd al-Qādir Abū Fāris (1986). *Al-Nizām al-Siyāsi fi al-Islām*, Jordan: Dār al-Furqān, hlm. 193. Muhammad Abu Zahrah (1987). *Tārikh al-Mazāhib al-Islāmiyyat fī al-Siyāsah wa 'Aqidat*, Beirut: Dār al-Fikr al-'Arabi, hlm. 80-82.

kepada sejarah kedatangan asal keturunan Waris Dua Carak ini ke Rembau, maka didapati syarat keturunan yang ditentukan dalam pelantikan Undang Rembau juga adalah bersesuaian dengan motif perpaduan yang ditakwilkan oleh Ibn Khaldun.

Ini adalah kerana Datuk Lela Maharaja dan Datuk Laut Dalam adalah terdiri dari kalangan golongan bangsawan dari Minangkabau. Mereka dijemput khas untuk menjadi ketua kepada masyarakat Rembau yang ketika itu mengalami krisis (antara pendatang Minangkabau dan penduduk tempatan). Melihat kepada kemuliaan keturunan dan keupayaan mereka dalam menangani krisis di Rembau, maka pelantikan Undang dilantik di kalangan keturunan mereka untuk menjamin perpaduan masyarakat di Rembau. Kemudian ia telah menjadi satu adat ('uruf) yang berterusan bagi meneruskan perpaduan ini.

Perlu diambil perhatian juga bahawa dari sudut realitinya jika dibandingkan tugas dan tanggungjawab Undang dan pemimpin Islam, maka tugas Undang ini adalah jauh lebih kecil. Iaitu menjaga urusan agama dan adat istiadat dalam ruang lingkup masyarakat di Luak Rembau sahaja. Sudah pasti dengan melantik Undang dari keturunan Biduanda Waris Dua Carak itu adalah menurut suasana dan kehendak masyarakat adat ini sendiri. Melalui cara pelantikan yang bersistematik maka syarat keturunan ini juga tidaklah sampai mendatangkan implikasi yang boleh merosakkan semangat pelantikan pemimpin iaitu untuk mencari pemimpin yang berkerektor sebagai pemimpin.

Selain itu, sistem giliran antara dua carak dan kampung-kampung dalam pelantikan Undang menunjukkan bahawa sistem bergilir ini walaupun di dalam keturunan Biduanda Dua Carak sahaja, namun masih memberi ruang kepada Ahli Lembaga Tiang Balai membuat pilihan. Sistem pelantikan bergilir ini tidak menetapkan satu-satu keluarga sahaja menerima jawatan Undang menurut jurai keturunan seperti kaedah pelantikan Sultan,¹⁰ tetapi ia memberi peluang kepada mana-mana keluarga Biduanda Waris yang layak (mengikut giliran) menerima jawatan. Walaupun ia berbau sistem feudal tetapi pengamalannya di bawah ruang lingkup yang lebih luas.

iii. Syarat-syarat yang mengikut situasi semasa.

Terdapat juga syarat-syarat tambahan yang difikirkan relevan untuk menjamin kepercayaan rakyat terhadap Undang dan demi menjaga status Undang sebagai golongan pemerintah. Contohnya calon Undang perlu berkemahiran dalam adat istiadat Rembau dan pandai berteromba. Juga syarat tidak melakukan kesalahan undang-undang negara dan mempunyai larangan-larangan tertentu antara syarat tambahan yang dilaksanakan dalam pelantikan Undang Rembau.

Walaupun Islam tidak pernah menetapkan syarat-syarat ini. Namun ia adalah syarat yang bangkit mengikut kesesuaian pada suasana masyarakat Adat Perpatih di Rembau sebagai cara untuk lengkap melengkapi dan

¹⁰ Jawatan Undang tidak diserahkan khusus kepada ahli keluarga tertentu sahaja, sama ada dari bapa kepada anak ke bawah ataupun dari anak kepada bapa ke atas.

menyempurnakan sifat dan peribadi seseorang pemimpin adat. Islam sebagai satu agama yang mementingkan kemaslahatan umum sudah tentu tidak menolak dari menerima syarat-syarat ini sebagai satu keperluan masyarakat kepada memperbaiki dan memperindahkan sistem pentadbiran di sesuatu tempat dan zaman.

Melalui perbincangan-perbincangan di atas maka dapatlah disimpulkan bahawa syarat-syarat pelantikan Undang Rembau selain mengadaptasikan syarat-syarat sebagaimana yang dituntut oleh Islam, wujud juga syarat-syarat yang lebih khusus dengan melihat kepada kehendak semasa iaitu mengasimilasikan nilai-nilai adat dalam menentukan syarat-syarat pelantikannya. Namun ia masih selaras dengan kehendak-kehendak dan semangat sebagaimana ditentukan syarat-syarat pelantikan pemimpin Islam iaitu untuk mencari pemimpin yang berkualiti.

5.1.3 Cara-cara Pelantikan

Walaupun proses pelantikan Undang berbeza dengan proses pelantikan pemimpin Islam dari segi pelaksanaannya, tetapi apabila mendasari ciri-ciri pelantikan Undang Rembau ini maka didapati cara pelantikan yang unik ini menyamai ciri-ciri yang terdapat pada pelantikan pemimpin Islam. Persamaan ini adalah seperti:

i. Penglibatan Rakyat dalam Pelantikan

Penglibatan rakyat dalam pelantikan pemimpin mendapat pengiktirafan yang jelas dalam Islam. Ini berasaskan hukum fardu kifayah yang ditetapkan dalam melantik pemimpin. Pelantikan Undang juga menepati kehendak syariat Islam di mana penglibatan rakyat juga berlaku dalam membuat pemilihan pemimpin adat tersebut. Pemilihan Undang Rembau melalui peringkat demi peringkat bermula dari peringkat kelompok keluarga hingga di peringkat Lembaga yang seramai dua puluh empat orang di Balai Undang jelas memperlihatkan pengiktirafan masyarakat Adat Perpatih kepada pendapat golongan bawahan atau rakyat di dalam pemilihan pemimpin tertinggi mereka.

Ini sesuai dengan teromba;

*Bulat Anak Buah menjadi Buapak,
Bulat Buapak menjadi Lembaga,
Bulat Lembaga menjadi Penghulu,
Bulat Penghulu menjadi Raja.*

Maka jelas di sini bahawa asas pelantikan dalam kedua-dua pelantikan adalah selari kerana disertai oleh rakyat.

ii. Pelaksanaannya Sejajar dengan Syura

Menyedari hakikat yang pelantikan Undang ini berteraskan kepada konsep muafakat dan budi, sudah tentu tidak terlepas dari merealisasikan nilai-nilai permesyuaratan dan perbincangan di setiap kebulatannya. Bahkan proses perbincangan dalam pelantikannya berlaku secara berperingkat-peringkat yang

bermula dari peringkat Buapak lagi. Nilai-nilai pemuaafakan ini sejajar pelaksanaannya dalam setiap pelantikan khalifah.

iii. Wujudnya Institusi Perwakilan

Sebagaimana pelantikan Islam yang menjadikan *Ahl Halli wa al-Aqd* atau *Ahl al-Ikhtiyar* sebagai perwakilan dalam pelantikan pemimpin Islam, pelantikan Undang Rembau juga mempunyai Ahli Lembaga Tiang Balai sebagai wakil bagi masyarakat Rembau. Ahli Lembaga Tiang Balai adalah sebagai saluran dalam menyuarakan kehendak masyarakat adat dalam memilih Undang mereka. Bahkan pemilihan di peringkat ini adalah peringkat pemutus bagi pemilihan Undang Rembau.

Cuma jika ingin dibandingkan dari segi keanggotaan di dalam perwakilan di zaman khalifah dengan perwakilan dalam pelantikan Undang Rembau maka didapati bilangan anggota perwakilan dalam pelantikan Undang adalah statik. Tetapi bilangan perwakilan dalam pelantikan Khalifah adalah tidak ditetapkan. Penetapan anggota dari kampung tertentu dan bilangan anggota pemilih dalam pemilihan Undang ini adalah untuk memastikan ahli Lembaga Tiang Balai ini terpelihara dari segi keturunannya. Bahkan kebiasaan mereka dipilih di kalangan mereka berpengetahuan tentang selok belok Adat Perpatih di Rembau. Tujuan-tujuan ini adalah bersesuaian dengan Islam yang mengesyorkan orang yang ahli dalam hal ehwal tertentu menyelesaikan masalah yang berkenaan dengan bidangnya.

Ahli-ahli hukum dan ahli-ahli teori politik Islam yang mendasari kajian mereka kepada amalan-amalan Nabi dan khalifah selepasnya, membuat kesimpulan bahawa setelah pelantikan seorang pemimpin sama ada dipilih oleh Majlis Syura (*Ahl Halli wa al-Aqd*) atau dilantik oleh seorang ketua negara sebelumnya, hendaklah dibai'ah.

Pelaksanaan bai'ah dapat dilihat dalam proses pelantikan Abu Bakar r.a. Beliau telah dibai'ah oleh sebahagian kecil pembesar, sahabat dan kemudiannya diikuti oleh semua umat Islam. Bai'ah pertama ialah *bai'ah khassah* dan bai'ah yang dilakukan umat Islam *bia'ah ammah*.¹¹

Melihat kepada pelantikan Undang Rembau, maka didapati walaupun tidak ada penekanan diberikan berkaitan dengan bai'ah secara jelas dalam praktiknya, tetapi unsur-unsur bai'ah ini dapat dilihat melalui perwakilan yang dilantik oleh rakyat. Apa yang dikatakan bia'ah *ammah* dan *khassah* sekaligus berlaku di dalam proses pelantikan Undang ini.¹² Manakala perlakuan bagi pengakuan taat setia ini juga hanya dapat dilihat di kalangan Buapak dan Lembaga yang dua puluh empat sahaja sebagai wakil bagi masyarakat di dalam istiadat merafaq sembah. Walaupun tidak menepati ciri-ciri bai'ah sebagaimana

¹¹ Alias Othman (1991), *Asas-asas Pemikiran Politik Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, hlm. 354.

¹² Nordin Selat (1976), *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Kuala Lumpur: Anggota Kumpulan Utusan Melayu, hlm. 65.

pelaksanaannya dalam Islam tetapi wujud unsur-unsur bai'ah secara tersirat dalam pelantikan Undang ini.

Kesimpulannya, cara pelantikan Undang ini adalah menekankan penglibatan rakyat dari segi kehendaknya dan persetujuannya dan membenarkan kebebasan berpendapat kepada anggota perwakilannya. Walaupun cara pelantikan Undang diilhamkan mengikut keselesaan masyarakat adat, namun ia masih lagi tidak menolak dari memenuhi kehendak-kehendak syariat. Jelas di sini, secara keseluruhannya cara pelantikan Undang Rembau adalah berpandukan kepada cara-cara yang dibenarkan dalam Islam.

Cuma cara pelantikan khalifah adalah berubah di setiap kali pelantikan berbanding dengan cara pelantikan Undang yang tidak berubah. Cara pelantikan Undang yang tidak berubah ini telah menjadi adat yang menarik dan diterima pakai sejak dari pelantikan Undang yang pertama lagi. Manakala cara pelantikan khalifah yang berubah di setiap pelantikan menunjukkan nilai-nilai fleksibiliti dalam menentukan cara pelantikan pemimpin. Nilai-nilai fleksibel inilah yang mengharuskan cara pelantikan Undang yang mengikut kehendak zamannya.

5.2 PENUTUP

Wujud banyak persamaan antara pelantikan Undang Rembau di Negeri Sembilan dan pelantikan pemimpin Islam dari segi konsepnya. Tetapi pelaksanaannya dalam pelantikan Undang Rembau ini terdapat pengkhususan-

pengkhususan tertentu untuk memenuhi keperluan dan kehendak mengikut ruang lingkup masyarakat Rembau itu sendiri. Pengkhususan-pengkhususan ini jelas dalam menetapkan syarat-syarat pelantikan dan cara-cara pelantikan Undang Rembau yang tersendiri. Ia juga diterima sebagai satu langkah kebijaksanaan masyarakat adat menentukan cara pelantikan pemimpin mereka.

Cara Islam dalam pelantikan pemimpin adalah fleksibel. Nilai-nilai fleksibiliti juga terdapat di sana sini dalam pelantikan Undang. Terkadang ia nampak mengelirukan tetapi tidak dinafikan ia membenarkan rasionalisasi tentang perbezaan yang terperinci dalam banyak aspek seperti syarat pelantikan dari Suku Biduanda Dua Carak. Tetapi ia tidak pula membelakangi semangat pelantikan yang dianjurkan oleh Islam. Ini mencerminkan Adat Perpatih yang diamalkan bersifat universal dan sanggup menerima perubahan-perubahan.

Walaupun konsep atau pelaksanaan pelantikan Undang Rembau adalah didasari oleh teromba atau perbilangan adat yang dianggap sebagai huraian tentang arahan etika, tetapi jelas ia bukan sahaja sekadar merupakan suatu kaedah yang menarik, tetapi terdapat nilai-nilai jurisprudens di dalamnya. Ia juga boleh membentuk teori-teori termasuk politik dan pentadbiran amnya dan pelantikan Undang Rembau khususnya.

Namun begitu, keindahan seni teromba atau perbilangan Adat Perpatih ini dan kemanfaatan ilmu sistem sosial, perundangan dan pentadbiran yang terhimpun dalam kata-kata adat ini masih tidak dapat difahami dan dimengerti konsepnya oleh

masyarakat. Malah ada sesetengah pihak terkadang dari warga adat sendiri yang memperkecilkan dan memandang rendah tentang keupayaan sistem adat ini membentuk sendiri sistem pentadbirannya. Adalah benar hukum dan perundangan Allah adalah lebih sempurna dari hukum ciptaan manusia, tetapi mencipta sesuatu yang bersesuaian dan selesa dikalangan masyarakat, tempat dan masa juga adalah dibenarkan selagi ia tidak melanggar mana-mana hukum Allah.

Oleh itu, kerajaan Negeri Sembilan dan Luak Rembau khususnya perlu mengadakan, menjalankan dan mempergiatkan agenda-agenda dalam memberi kefahaman tentang sistem pentadbiran adat ini umumnya dan sistem pelantikan Undang khususnya kepada masyarakat terutama masyarakat adat. Contohnya, perlulah diadakan taklimat-taklimat dan pertunjukan-pertunjukan yang memberi kefahaman tentang sistem pentadbiran adat ini. Adalah lebih baik lagi kerajaan Negeri Sembilan mengusahakan satu undang-undang bertulis dan memperbanyakkan bahan-bahan bertulis yang mampu memartabatkan sistem ini agar ia ‘tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan’.